

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN LOKE SIEW FOOK [SEREMBAN]

TARIKH : 3 OGOS 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan bilangan pekerja sepenuh masa yang berkerja sebagai penghantar kurier atau makanan dengan motosikal persendirian melalui platform digital (Grab, Food Panda dan sebagainya) dan apakah dasar Kerajaan mengawal selia industri baru ini agar keselamatan dan hak golongan pekerja tersebut dilindung dengan baik.

JAWAPAN

Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam dan kenderaan barangan menggunakan motosikal (bike-hailing) dikawal selia melalui kaedah/peraturan pelesenan di bawah Akta Pengangkutan Jalan 1987 [Akta 333], Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan [Akta 334] dan Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 [Akta 715].

Bagi perkhidmatan kenderaan barangan menggunakan motosikal, kawal selia masih belum dimulakan, mengambil kira bahawa pada masa keputusan ini dibuat, perkhidmatan tersebut (termasuk penghantaran barang makanan) telah pun beroperasi secara meluas di Malaysia. Antara perkhidmatan yang telah beroperasi termasuklah penghantaran barangan milik perniagaan sendiri seperti penjual putu mayam, Pos Malaysia, KFC dan Dominos Pizza serta penghantaran barangan milik pihak ketiga

seperti Food Panda, penjual ice-cream dan Grab Food. Bagi perkhidmatan untuk pihak ketiga, kebanyakan penyedia perkhidmatan telah turut menyediakan perkhidmatan menerusi aplikasi atas talian termasuk bagi membuat tempahan dan pembayaran.

Oleh yang demikian, Kementerian Pengangkutan pada masa ini tiada mempunyai data yang tepat ke atas jumlah sebenar bilangan pekerja sepenuh masa yang berkerja sebagai penghantar kurier atau makanan dengan motosikal persendirian melalui platform digital (Grab, Food Panda dan sebagainya). Namun berdasarkan anggaran kasar, dijangka sejumlah lebih 130 ribu individu terlibat dalam pekerjaan terbabit diseluruh negara.

Susulan isu pandemik Covid-19, MOT mendapati industri ini mempunyai potensi yang besar untuk berkembang dengan lebih meluas seterusnya membawa manfaat sosio-ekonomi kepada warga Malaysia, terutamanya melibatkan kumpulan B40. Industri perkhidmatan ini kelak akan menjadi satu norma selepas tempoh PKP dan pandemik Covid-19 berakhir.

Bagi tujuan penjelasan dan mengelakkan kekeliruan, MOT telah menamakan perkhidmatan kenderaan barangan menggunakan motosikal ini sebagai parcel-hailing atau p-hailing. Ianya bertujuan membezakan daripada perkhidmatan e-hailing (perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam menggunakan kenderaan motor yang muatan duduknya empat orang dan tidak lebih daripada sebelas orang (termasuk pemandu)) dan bike-hailing (perkhidmatan kenderaan perkhidmatan awam menggunakan motosikal).

Bagi memastikan perkhidmatan ini dijalankan secara adil, terkawal, selamat dan menjaga kebajikan pekerja dan pelanggan, Kementerian Pengangkutan akan menguatkuasakan peraturan bagi mengawal selia perkhidmatan terbabit. Pada masa ini, Kementerian Pengangkutan bersama agensi seperti APAD dan JPJ sedang dalam proses membangunkan rangka perundangan dan syarat-syarat perkhidmatan bagi mengawal selia perkhidmatan parcel-hailing atau p-hailing di Malaysia. Sekian, terima kasih.